



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8891 5556
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.48 (80)
Tarikh : 16 Ogos 2018

**KENYATAAN AKHBAR
PEJABAT MENTERI
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**PENGECUALIAN PENGGANTUNGAN AP SISA PLASTIK HS 3915 BAGI
PENGIMPORAN DARI KAWASAN *FREE TRADE ZONE* (FTZ) DAN KILANG
BERSTATUS *LICENCE MANUFACTURING WAREHOUSE* (LMW)**

Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import)(Pindaan) 2017 menetapkan bahawa pengimportan sisa plastik HS Code 3915 ke Malaysia perlu mendapat AP daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) termasuklah pergerakan sisa plastik dari kawasan *Free Trade Zone* (FTZ) dan kilang berstatus *Licence Manufacturing Warehouse* (LMW) yang menggunakan *virgin raisin* sebagai bahan mentah bagi menghasilkan produk plastik. Susulan penggantung lesen import (AP) sisa plastik HS 3915 bermula pada 23 Julai 2018, KPKT telah menerima permohonan rayuan daripada syarikat pengimport termasuklah permohonan pengecualian bagi aktiviti pengimportan dari FTZ dan kilang LMW yang terletak di dalam Malaysia.

Maklumbalas yang diterima daripada pihak industri di FTZ dan kilang berstatus LMW menyatakan bahawa penggantung AP tersebut telah menyebabkan mereka tidak dapat mengeluarkan dan melupuskan sisa plastik yang dihasilkan dari proses pengeluaran produk mereka di kilang yang mana sisa dijana adalah bersifat *homogenous* dan bukan dari kategori sisa berjadual. Kementerian mengambil perhatian bahawa perkara ini telah menjejaskan operasi kilang-kilang tersebut dari sudut urusan penstoran sisa yang sangat terhad sehingga menyebabkan berlakunya lambakan sisa plastik di kawasan kilang.

Dalam hal ini, setelah mengambilkira justifikasi permohonan rayuan dan kedudukan semasa pihak industri kategori tersebut, KPKT bersetuju untuk mengecualikan penggantungan AP sisa plastik HS 3915 bagi pengimportan dari kawasan FTZ dan kilang berstatus LMW yang menggunakan *virgin raisin* sebagai bahan mentah berkuatkuasa serta merta. Ini mengambilkira situasi semasa dan kedudukan industri di FTZ dan kilang berstatus LMW adalah terletak di dalam Malaysia dan sisa plastik yang dijana adalah daripada sektor industri tempatan.

YB PUAN HAJAH ZURAIDA KAMARUDDIN
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN,
PUTRAJAYA.
16 OGOS 2018

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu PLAN Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon

: 03-8891 5555

Faks

: 03-8891 5557

E-mel

: media.ukk@kpkt.gov.my